

PM: Sesiapa saja boleh menang tender kerajaan

BH 29 APR 1983

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini, sesiapa sahaja peniaga yang baik boleh memenangi tender-tender yang ditawarkan oleh Kerajaan.

"Maksud saya, semua ahli perniagaan di negara ini termasuk kawan-kawan atau kenalan saya," katanya kepada para pemberita dalam sidang akhbar setelah melawat Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman di sini petang ini.

Bellau menjelaskan demikian ketika ditanya mengenai dakwaan sebuah majalah asing bahawa pemberian tender Projek Sabah Gas Grid dilakukan secara tidak adil.

Minggu lalu, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Thong Yaw Hong menerangkan da-

lam satu kenyataan bahawa pemberian tender bagi projek itu dibuat tanpa sebarang 'pilih kasih' kerana ia dilakukan mengikut peraturan tender biasa.

Bellau menegaskan pegawai-pegawai Kerajaan Sabah, Jawatankuasa Tender Sabah Energy Corporation dan Jawatankuasa Tender Kementerian Kewangan telah menjangkakan tanggungjawab mereka selaras dengan peraturan dan dasar-dasar biasa dalam memberikan tender itu.

Dalam kenyataan itu Tan Sri Thong menjelaskan adalah menjadi amalan bagi Perdana Menteri dimaklumkan mengenai sesuatu tender yang besar.

"Oleh kerana Perdana Menteri mengenali dengan dekat hampir semua ahli perniagaan tempatan, maka timbulah sangkaan bahawa sesiapa jua yang mendapat tender dipandang sebagai "yang dekat dengan beliau".

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya kenal semua ahli perniagaan negara ini. Saya mempunyai senarai nama mereka."

"Sebagai bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan sekarang Perdana Menteri yang mengambil berat akan kemajuan ekonomi negara ini, saya tentu sekali tahu siapa yang memenangi kontrak-kontrak.

"Dahulu orang berkata, seorang rakan saya mempunyai sebuah bank, seorang lagi mempunyai syarikat perkapalan, sebuah firma atau apa sahaja. Memanglah mereka itu rakan-rakan saya," katanya.

Mengenai lawatan beliau ke Bukit Aman, Perdana Menteri berkata, ia adalah lawatan biasa kali kedua baginya.